



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
NEGERI MELAKA
ARAS 6 WISMA PERSEKUTUAN JALAN MITC, HANG TUAH JAYA 75450 MELAKA
Tel : 06-2345822/23
Faks: 06-2345810/11

Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (YDMDI) Rakan Strategik Terbaharu Program Food Bank Malaysia Kelolaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwil Pengguna Negeri Melaka

Melaka, 4 Oktober 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwil Pengguna Negeri Melaka (KPDNHEP Melaka) mengucapkan selamat datang kepada Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (YDMDI) yang telah bersetuju menjalin kerjasama sebagai Rakan Strategik Utama (RSU) bagi menjayakan Program Food Bank di peringkat Negeri Melaka.

2. Rakan Strategik Utama (RSU) memainkan peranan yang amat penting menjadi salah satu faktor kejaan dalam pelaksanaan Program Food dalam bidang berikut:

- i. Mewujudkan perkongsian tenaga kemahiran, kemudahan aset dan logistik di antara KPDNHEP dan YDMDI yang mana dapat mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber tersebut secara bersama;
- ii. Meningkatkan sumber tenaga sukarelawan dalam menyokong usaha Kerajaan memupuk semangat dan budaya kesukarelawan dalam kalangan masyarakat;
- iii. Melibatkan penglibatan NGO dan syarikat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam mengendalikan lebih makanan yang masih boleh digunakan dan mengurangkan pembaziran ke arah pembaziran sifar serta meningkatkan keberkesanan program food bank keseluruhannya; dan

iv. Mengoptimumkan sumber sumbangan lebihan makanan melalui perkongsian dan kolaborasi strategik di antara Kementerian dan YDMDI.

3. KPDNHEP amat mengalu-alukan penglibatan pemain industri peruncitan dan pengedaran serta perhotelan dan katering untuk terlibat sama meningkatkan bank makanan dan menyantuni lebih ramai golongan yang memerlukan terutama golongan B40 dan siswa yang memerlukan di Pusat Pengajian Tinggi.

4. Program Food Bank Malaysia (PFBM) ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 2018 yang bertujuan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat selain mengurangkan pembaziran makanan yang masih boleh digunakan. Sehingga 3 Oktober 2022, sejumlah 684,056 isi rumah menerima manfaat Food Bank Komuniti.

5. Tumpuan KPDNHEP sebenarnya kepada PFBM Siswa, walaupun sebenarnya turut menyantuni golongan B40 dan mereka yang ditimpa bencana seperti banjir yang melanda negara tahun lepas. Sehingga kini, seramai 20,951 siswa di enam (6) buah kampus IPT di Melaka telah menerima manfaat program ini.

YBHG DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Melaka, 4 Oktober 2022

###